

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

HGT 212 - Teknik-Teknik dalam Geografi II

Tarikh: 5 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari

(3 jam)

Jawab TIGA(3) soalan. Soalan No. 1 MESTI dijawab dan sebarang DUA(2) soalan. Soalan No. 1 akan membawa 36 markah dan soalan-soalan lain 32 markah setiap soalan.

1. (a) Bincangkan penggunaan foto udara di dalam kajian-kajian geografi.
(b) Bandingkan kekesanan penggunaan teknik titik dan lorekan untuk menggambarkan konsep taburan kependudukan reruang.
(c) Bincangkan cara-cara untuk menentukan bilangan kelas dan nilai jeda-kelas bagi data-data kumpulan.
2. (a) Bincangkan faktor-faktor asas yang mempengaruhi mutu imej yang diperolehi daripada kamera foto di dalam penderiaan jauh (remote sensing).
(b) Ketinggian penerbangan adalah 9,000 kaki, jarak fokal kamera yang digunakan adalah 6 inci, dan ukuran suatu objek di dalam foto udara adalah 0.25 inci, kirakan ketinggian sebenar objek itu.
3. (a) Jelaskan unsur-unsur asas sistem penderiaan jauh (remote sensing), dan bincangkan perubahan teknologi yang berlaku pada unsur-unsur itu sejak 1940.
(b) Jelaskan prinsip-prinsip utama untuk mengenali objek-objek daripada foto udara.
4. Jawab semua soalan yang berikut:
(a) Sama ada platform (sistem penghantar alat-alat sensor)
Atau pasangan-pasangan foto udara stereo
di dalam konteks penderiaan jauh dan foto udara.

- (b) Sama ada tekstur dan tona
Atau bentuk dan saiz

di dalam konteks mengenali objek-objek daripada foto udara.

- (c) Sama ada kepentingan skel di dalam pemetaan
Atau lambang-lambang (simbol-simbol) lazim (konvensional) yang digunakan di dalam peta kepadatan.

5. (a) Pilih sebarang empat(4) jenis geraf. Bincangkan penggunaan setiap jenis geraf itu atau kombinasinya di dalam bidang Geografi, dengan bantuan gambarajah-gambarajah dan contoh-contoh tertentu.

(b) Merujuk kepada data di dalam jadual yang berikut, tentukan pola guna tanah di dalam sektor kebun kecil, Semenanjung Malaysia, dengan menggunakan satu teknik "best fit".

Jadual: Keluasan (dalam peratusan) yang ditanami dengan:

| Daerah | Getah | Padi | Kelapa | Sayur-sayuran | Buah-buahan dan tanaman-tanaman | | Tanaman pelbagai |
|-------------------|-------|------|--------|---------------|---------------------------------|---------|------------------|
| | | | | | tanaman | makanan | |
| Batang Padang | 93 | 2 | - | - | 5 | - | - |
| Dindings | 73 | 1 | 9 | - | 17 | - | - |
| Kinta | 81 | 1 | 1 | 4 | 12 | 1 | 1 |
| Kerian | 6 | 88 | 2 | - | 1 | 3 | 3 |
| Kuala Kangsar | 68 | 16 | 2 | - | 14 | - | - |
| Larut dan Matang | 68 | 16 | 3 | 1 | 9 | 3 | 3 |
| Perak Hilir | 33 | 16 | 41 | 1 | 6 | 3 | 3 |
| Selama | 82 | 14 | 1 | - | 3 | - | - |
| Perak Hulu | 83 | 12 | 1 | - | 3 | 1 | 1 |
| Kulim | 81 | 11 | 5 | - | 2 | 1 | 1 |
| Baling | 68 | 25 | 2 | - | 3 | 2 | 2 |
| Bandar Bahru | 82 | 16 | - | - | 2 | - | - |
| Nibong Tebal | 45 | 16 | 30 | - | 5 | 4 | 4 |
| Cameron Highlands | - | - | - | 78 | 5 | 17 | 17 |
| Ulu Selangor | 94 | 1 | - | - | 5 | - | - |
| Kuala Selangor | 27 | 37 | 29 | - | 2 | 5 | 5 |

Sumber: Laporan Ekonomi dan Perangkaan, Kementerian Pertanian Malaysia, 1970.

Jelaskan data-data lain yang boleh diproseskan dengan teknik ini (best fit).